

30 AUG 1997

MCA-Resolusi

PERHIMPUNAN AGUNG MCA: 14 RESOLUSI DILULUS

KUALA LUMPUR, Aug 30 (Bernama) -- Perhimpunan Agung MCA ke-44 yang berlangsung di sini hari ini sebulat suara meluluskan 14 resolusi termasuk menggesa kerajaan memastikan agensi-agensi yang diswastakan terus memberi perkhidmatan yang cekap tanpa memberi bebanan kewangan tambahan kepada rakyat.

Para perwakilan juga mahukan agensi-agensi berkenaan mengutamakan tanggungjawab sosial dan tidak semata-mata mencari keuntungan.

"Khususnya, perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan mestilah dalam bidang keupayaan rakyat, terutamanya mereka dalam golongan berpendapatan rendah," kata resolusi berkenaan.

Mengenai bidang pendidikan, yang mana enam resolusi dibentangkan, para perwakilan menyatakan sokongan kepada usaha kerajaan yang berterusan menggalakkan pembangunan penubuhan institusi pendidikan Tinggi swasta.

Ini, kata mereka, adalah sejajar dengan hasrat Malaysia untuk menjadi pusat kecemerlangan serantau.

Dalam memberi penghargaan kepada dasar pendidikan kerajaan yang liberal, para perwakilan juga menggesa kerajaan menubuhkan lebih banyak lagi sekolah rendah Cina di kawasan-kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai untuk menangani masalah kekurangan bilik darjah.

Mereka juga mahu kerajaan mengambil langkah dan memberi insentif untuk melatih lebih ramai guru-guru sekolah rendah Cina untuk mengatasi masalah kekurangan.

Persatuan dan pertubuhan Cina di seluruh negara juga perlu memainkan peranan dengan menggalakkan lebih ramai kaum Cina menyertai bidang perguruan.

Mengenai sayap wanita MCA, para perwakilan mengiktiraf peranan mereka dan bersetuju supaya perlembagaan parti dipinda untuk membolehkan sekurang-kurangnya seorang perwakilan wanita mewakili setiap bahagian dalam perhimpunan agung.

Para perwakilan juga menyatakan sokongan kepada kenyataan Presiden parti yang mahukan generasi baru rakyat Malaysia diwujudkan sebagai Bangsa Malaysia.

Mereka juga menyokong penuh projek Koridor Raya Multimedia dan mahu satu jawatankuasa khas ditubuhkan dalam parti untuk menangani amalan politik wang.

Para perwakilan bersetuju berdiri teguh dibelakang kerajaan dalam memerangi rasuah dan mendidik rakyat menolak rasuah dalam apa bentukpun.

Perhimpunan agung satu hari itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dihadiri oleh kira-kira 1,500 perwakilan. --

BERNAMA

RV WAT